

Terma & Syarat Kempen MyDebit dengan agensi–agensi Kerajaan Negeri Kedah

1. Penganjur & Kelayakan

- 1.1 Promosi ini dianjurkan oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet). (No. Syarikat: 836743-D) ("PayNet") dengan kerjasama Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Kedah seperti **Lampiran 1** (yang dirujuk secara kolektif sebagai "Penganjur").
- 1.2 Promosi ini terbuka kepada Pemegang Kad (dirujuk sebagai "Peserta") MyDebit yang dikeluarkan oleh Institusi Kewangan yang terlibat dengan servis MyDebit di Malaysia yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas dan mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah (contoh: kad pengenalan atau passport) layak untuk mengambil bahagian dalam Promosi ini.
- 1.3 Promosi ini tidak layak disertai oleh individu-individu yang disenaraikan di bawah:
 - a) Kakitangan Pihak Penganjur (termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya) dan ahli keluarga mereka yang terdekat (anak, ibu-bapa, adik-beradik, termasuk suami / isteri) dan / atau
 - b) Wakil, kakitangan, pekerja dan / atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan / atau promosi pihak Penganjur (termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya) dan ahli keluarga mereka yang terdekat (anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami / isteri)

2. Tempoh Promosi

- 2.1 Promosi akan berlangsung mulai 15 Mac 2019 – 15 Ogos 2019 (Tempoh Promosi). Pihak Penganjur berhak untuk membuat pindaan ke atas Tempoh Promosi pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notifikasi terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi adalah tidak sah dan akan dibatalkan.
- 2.2
 - a) Tarikh & Masa mula promosi: jam 00:00 (GMT+8) pada 15 Mac 2019;
 - b) Tarikh & Masa tamat promosi: jam 23:59 (GMT+8) pada 15 Ogos 2019.

3. Kriteria Kelayakan

- 3.1 Pelanggan-Pelanggan di Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Kedah seperti **Lampiran 1** yang membuat pembayaran dengan jumlah minimum RM30.00 melalui transaksi MyDebit akan layak untuk menyertai Promosi ini.
- 3.2 Pembayaran melalui transaksi MyDebit perlulah dibuat di mana-mana kaunter agensi-agensi di bawah Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Kedah seperti **Lampiran 1** yang untuk layak menyertai dan mestilah mematuhi semua garis panduan yang disenaraikan dalam Terma & Syarat ini.

3.3 Peserta juga perlu mempunyai kad MyDebit yang sah, aktif dan dalam kedudukan kewangan yang baik dan stabil semasa Tempoh Promosi sehingga penebusan Hadiah.

4. Syarat Penyertaan

4.1 Pembayaran melalui transaksi MyDebit yang dibuat oleh peserta di mana-mana agensi-agensi di bawah Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Kedah seperti **Lampiran 1** secara automatik dianggap sebagai satu (1) penyertaan.

4.2 Untuk dianggap sebagai penyertaan, pembayaran hendaklah dibuat melalui transaksi MyDebit dan dilakukan dalam Tempoh Promosi dan mematuhi kriteria kelayakan serta Terma & Syarat yang dinyatakan di sini, untuk dianggap sebagai penyertaan.

4.3 Tiada had kepada bilangan penyertaan, tetapi penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi adalah tidak sah dan akan dibatalkan.

4.4 Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan Peserta yang kelayakannya dipersoalkan atau Peserta tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Promosi ini kerana dan tidak terhad kepada Peserta yang melanggar Terma dan Syarat Promosi ini, mengganggu operasi Promosi ini, terdapat unsur penipuan atau penyalahgunaan, atau melibatkan diri dalam apa-apa tingkah laku yang dianggap memudaratkan atau tidak adil kepada Penganjur atau mana-mana pihak yang lain (dalam setiap kes ditentukan pada budi bicara mutlak Penganjur adalah tertakluk kepada kehilangan kelayakan untuk kemasukan atau penyertaan dalam Promosi ini.

5. Senarai Pendek dan Pengumuman Pemenang

5.1 Pelanggan yang layak akan dipilih secara cabutan rawak berkomputer dari data yang dikumpul di sistem komputer semasa Tempoh Promosi. Cabutan akan dijalankan secara rawak berkomputer selepas Tempoh Promosi berakhir. Cabutan rawak berkomputer akan dijalankan oleh pihak PayNet mengikut budi bicara mutlak PayNet.

5.2 Peserta yang terpilih akan dihubungi melalui telefon dan dikehendaki menjawab soalan seperti yang ditentukan oleh PayNet. Peserta terpilih perlu menjawab semua soalan dengan betul untuk memenangi Hadiah. Proses ini akan digunapakai bagi menentukan kesemua satu ratus dan enam (106) pemenang dalam semua kategori.

5.3 Sekiranya Peserta Terpilih tidak dapat dihubungi atau gagal untuk menjawab semua soalan dengan tepat, PayNet mempunyai hak untuk menghubungi Peserta yang dipilih dari cabutan rawak yang seterusnya, dan mengisytiharkan Peserta Terpilih tersebut sebagai pemenang mengikut proses yang dinyatakan di atas.

5.4 Setiap Peserta hanya layak memenangi satu (1) Hadiah sepanjang Tempoh Promosi, tanpa mengira bilangan Penyertaan yang diterima oleh Penganjur.

5.5 Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung Promosi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, senarai pendek, pemilihan pemenang dan pelucutan hak kepada Hadiah adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan. Pemilihan pemenang adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan dan kriteria penyertaan yang ditentukan mengikut budi bicara mutlak Penganjur.

5.6 Senarai pemenang akan disiarkan dan diumumkan di laman web Penganjur.

6 Hadiah

6.1 Hadiah untuk Promosi ini adalah:

- a) 1 x pemenang hadiah utama: Motosikal Yamaha Y15ZR
- b) 5 x pemenang hadiah pertama: Motosikal Yamaha Lagenda
- c) 15 x pemenang hadiah kedua: Kad hadiah barangan elektrik bernilai RM2,500 setiap satu.
- d) 20 x pemenang hadiah ketiga: Telefon pintar bernilai RM1,500 setiap satu
- e) 35 x pemenang hadiah keempat: Kad hadiah barangan elektrik bernilai RM1,000 setiap satu
- f) 30 x pemenang saguhati: Ketuhar gelombang mikro 20L bernilai RM350 setiap satu.

6.2 Segala jenis visual dan/atau gambaran bagi Hadiah yang digambarkan dalam mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Promosi ini hanyalah untuk tujuan ilustrasi semata-mata dan tidak boleh menggambarkan warna dan/atau keadaan sebenar hadiah-hadiah tersebut.

6.3 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur tidak memberi apa-apa jua jaminan atau perwakilan, sama ada secara nyata atau tersirat, berhubung dengan Promosi ini termasuk dan tidak terhad kepada hadiah-hadiah yang ditawarkan. Penganjur juga tidak memberi apa-apa jaminan tentang kualiti dan kebolehgunaan yang berkaitan dengan hadiah-hadiah yang ditawarkan.

6.4 Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh syarikat telefon mudah alih, syarikat automobil dan pembekal barangan elektronik. Tertakluk kepada peruntukan undang-undang, Penganjur dan ejen-ejen mereka tidak bertanggungjawab ke atas segala liabiliti yang timbul atau liabiliti akibat daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir hadiah dari sebarang keadaan yang tidak dijangkakan, di luar kawalan pihak Penganjur dan bagi sebarang perbuatan atau keingkaran mana-mana pihak ketiga atau pembekal. Pemenang tidak dibenarkan untuk menukar hadiah kepada wang tunai.

6.5 Penganjur tidak akan menanggung sebarang liabiliti sekiranya pemenang tidak dapat menggunakan Hadiah untuk sebarang sebab, termasuk sebab-sebab yang timbul daripada pelanggaran terma yang ditetapkan. Pemenang yang telah menerima hadiah, dianggap telah bersetuju untuk mengambil bahagian dalam semua acara publisiti yang dianjurkan oleh pihak Penganjur.

6.6 Sebarang perbelanjaan, caj dan kos sampingan berkaitan pendaftaran hak milik, cukai jalan, insurans dan sebagainya bagi Hadiah adalah ditanggung oleh pemenang sepenuhnya.

6.7 Semua hadiah tidak boleh dipindah milik.

6.8 Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya tanpa sebarang notifikasi terlebih dahulu.

7. Pengumuman atau pemberitahuan kepada pemenang

7.1 Pemenang-pemenang akan dihubungi dan dimaklumkan oleh Penganjur melalui e-mel atau panggilan telefon berdasarkan maklumat yang terdapat dari Kad MyDebit mereka yang diberikan oleh institusi kewangan masing-masing dalam masa tiga puluh (30) hari selepas Promosi ini berakhir. Pemenang harus memaklumkan keputusan mereka samada untuk menerima hadiah atau tidak, dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemberitahuan tersebut.

8. Penebusan Hadiah

8.1 Pemenang perlu memaklumkan kepada Penganjur dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari dari tarikh pemberitahuan oleh Penganjur, bahawa Pemenang akan menebus hadiah yang telah dimenangi. Sekiranya Pemenang menolak atau gagal memberikan jawapan dalam tempoh yang telah diberikan, Penganjur berhak melucutkan hak pemenang tersebut dan menarik balik hadiah. Hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan dan sebarang pertanyaan selepas itu tidak akan dilayan. Bayaran balik tidak akan diberikan untuk sebarang hadiah yang tidak dituntut.

8.2 Selain yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini, sebarang penggantian atau pengubahsuaian kepada Hadiah tidak dibenarkan.

8.3 Pemenang boleh melantik wakil untuk menuntut hadiah, di dalam situasi-situasi tertentu dan ini tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur untuk membenarkan wakil tersebut menuntut hadiah berkenaan. Kebenaran bertulis dari Pemenang asal dan pengesahan pengenalan diri wakil tersebut diperlukan untuk membolehkan wakil tersebut menuntut hadiah bagi pihak Pemenang asal.

8.4 Pemenang bertanggungjawab di atas segala kos berkenaan untuk pemenang mengambil dan menuntut Hadiah di tempat yang telah ditetapkan oleh Pihak Penganjur. Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk kos pengangkutan yang berkaitan dengan pengambilan, tuntutan dan/atau penghantaran Hadiah. Semua cukai, caj dan kos sampingan yang terlibat hendaklah ditanggung sendiri oleh pemenang.

8.5 Pemenang mesti melalui proses pengesahan identiti diri yang dikenakan oleh Penganjur sebelum menebus Hadiah dan Pemenang mestilah lulus dalam pengesahan tersebut. Hadiah akan ditarik balik jika terdapat percanggahan maklumat dengan proses pengesahan atau jika dokumen pengesahan yang disediakan adalah berbeza daripada maklumat yang diberikan oleh Institusi Kewangan yang berkenaan. Dokumen yang diperlukan untuk proses pengesahan adalah seperti berikut:

- a) Kad pengenalan asal dan sah pemenang (Malaysia) atau, pasport asal dan sah (bukan warganegara); dan
- b) Kad MyDebit asal yang digunakan untuk Transaksi Pembayaran.

8.6 Sekiranya dokumen yang diperlukan untuk pengesahan identiti diri untuk tuntutan hadiah tidak lengkap atau tidak diberikan dalam masa yang ditetapkan, Penganjur berhak untuk melucutkan hak pemenang tersebut dan Hadiah yang berkaitan akan

dibatalkan. Pemenang mungkin dikehendaki menandatangani perjanjian bertulis bagi hadiah yang dituntut seperti yang dikehendaki oleh Penganjur.

- 8.7 Sekiranya pemenang memilih untuk tidak menerima Hadiah, segala urusan berkaitan hal tersebut adalah tertakluk kepada budibicara Penganjur dan peruntukan undang-undang yang berkaitan.

9. Tanggungjawab dan Liabiliti

- 9.1 Pemenang akan menanggung liabiliti dan bertanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang kemalangan, kecederaan, kerosakan, kerugian atau tuntutan akibat daripada penyertaan di dalam Promosi ini, penebusan dan / atau penggunaan Hadiah. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kerugian, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang dialami, dalam sebarang situasi yang melibatkan pihak ketiga atau Peserta, semasa dan selepas Promosi ini.
- 9.2 Dengan menyertai dan menerima Hadiah yang ditawarkan oleh Penganjur, Peserta dan pemenang dengan ini telah memberikan kebenaran kepada Penganjur untuk menerbitkan, memaparkan nama, alamat, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan gambar Peserta dan pemenang bagi tujuan pengiklanan dan publisiti yang berkaitan dengan Promosi, dalam apa-apa cara penerbitan, pengedaran atau paparan dari semasa ke semasa tanpa sebarang royalti atau pampasan yang perlu dibayar kepada Peserta dan pemenang dan tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada pemenang atau peserta. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dengan sebarang kegagalan teknikal dalam apa jua bentuk, gangguan manusia atau elektronik atau kesilapan/kecuaian manusia di dalam pentadbiran dan pemprosesan Promosi.
- 9.3 Penganjur, promoter dan ejen-ejen mereka tidak bertanggungjawab dalam sebarang perkara berikut:
- a) Apa-apa kos, perbelanjaan tambahan yang ditanggung oleh Peserta untuk mengambil bahagian dalam Promosi ini;
 - b) Apa-apa bentuk gangguan teknikal;
 - c) Campur tangan pihak yang tidak diiktiraf oleh Penganjur dalam Tempoh Promosi;
 - d) Kesilapan elektronik atau kesilapan/kecuaian manusia dalam pentadbiran Promosi dan pemprosesan penyertaan;
 - e) Apa-apa kemasukan data yang hilang, dicuri, rosak, disalah hantar atau tidak diterima yang bukan disebabkan oleh kecuaian atau keingkaran sengaja Penganjur.
- 9.4 Penganjur atau pegawai, pekerja, wakil dan / atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Promosi ini) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Promosi ini, walaupun Penganjur telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi sedemikian adalah dikecualikan.

10. Perlindungan Data

- 10.1 Dengan menyertai Promosi ini dan pendedahan maklumat peribadi kepada Penganjur, Penganjur bersetuju untuk hanya menggunakannya untuk tujuan Promosi ini dan melindungi maklumat tersebut seperti yang dinyatakan di bawah. Bahagian ini juga menggariskan hak Peserta mengenai perlindungan data, dan penerangan kepada peserta bagi tujuan untuk menghubungi Penganjur.
- 10.2 Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Pelanggan bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Penganjur untuk mengumpul Data Peribadi pelanggan dari institusi kewangan masing-masing untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilihan pemenang.
- 10.4 Penganjur mungkin menggunakan perkhidmatan pihak ketiga untuk memproses data peribadi Peserta, di mana pihak ketiga tersebut adalah bertanggungjawab dan haruslah tidak menggunakan data peribadi Peserta di dalam sebarang cara selain daripada apa yang dinyatakan di sini.
- 10.5 Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
- a) hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan data peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi penganjur di alamat e-mel yang dinyatakan di bawah yang disediakan Penganjur dengan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan data peribadi tersebut;
 - b) hak untuk mendapatkan salinan data peribadi yang dimiliki oleh Penganjur; dan
 - c) hak untuk membetulkan data peribadi yang tidak tepat.
- 10.6 Peserta boleh menghubungi terus Penganjur bagi sebarang isu perlindungan data bersama Penganjur dan/atau aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi peserta di MyDebit@paynet.my
- 10.7 Penganjur akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menyimpan data peribadi Peserta dengan selamat dan memastikan, pemprosesan data yang dibuat oleh pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan data peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah tanpa sebarang notifikasi terlebih dahulu.
- 10.7 Pihak Penganjur berhak untuk memindahkan beberapa maklumat peribadi (nama, alamat, nombor telefon dan nombor kad pengenalan) kepada pembekal perkhidmatan bagi tujuan pentadbiran Promosi ini dan tujuan menghubungi pemenang. Pembekal perkhidmatan yang dinyatakan di sini adalah termasuk dan tidak terhad kepada pembekal yang menguruskan Promosi ini.

11. Hak Penganjur

- 11.1 Penganjur berhak untuk meminda, mengubah atau memadam Terma dan Syarat yang terkandung di sini mengikut budi bicara mutlak mereka.
- 11.2 Penganjur tidak akan bertanggungjawab kepada kerugian kewangan mana-mana yang dialami oleh Peserta yang timbul daripada keengganan, pembatalan atau penarikan balik Promosi.

- 11.3 Penganjur boleh menyerahkan semua hak yang diberikan oleh Peserta kepada mana-mana pihak di atas budi bicara Penganjur.
- 11.4 Penganjur berhak untuk melanjutkan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi bagi sebarang sebab sekalipun, tanpa notis terlebih dahulu. Peserta tidak boleh membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Penganjur bagisebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami atau ditanggung secara langsung dan tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
- 11.5 Para pemenang juga mungkin dikehendaki untuk hadir dan / atau menyertai program publisiti. Wakil-wakil pemenang adalah tidak dibenarkan untuk mewakili pemenang untuk sebarang program publisiti.

12 Umum

- 12.1 Untuk maklumat lanjut, sila layari www.kedah.gov.my pada bila-bila masa semasa Tempoh Promosi.
- 12.2 Terma dan Syarat ini dipantau dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan dalam bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
- 12.3 Masa adalah intipati Promosi ini.
- 12.4 Pertandingan Terma & Syarat ini disediakan dalam Bahasa Melayu.

[TAMAT]

LAMPIRAN 1

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Pentadbir Tanah dan Daerah (PTD)
Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSP)	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah
Majlis Perbandaran Kulim (MPK)	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah
Majlis Perbandaran Langkawi (MPL)	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah
Majlis Daerah Sik (MDS)	Jabatan Kerja Negeri Kedah
Majlis Daerah Bandar Baharu (MDBB)	Pentadbir Tanah Daerah Kota Setar
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah	Pentadbir Tanah Daerah Kuala Muda
Majlis Perbandaran Kubang Pasu (MPKP)	Pentadbir Tanah Daerah Kulim
Majlis Daerah Baling (MDB)	Pentadbir Tanah Daerah Kubang Pasu
Majlis Daerah Pendang (MDP)	Pentadbir Tanah Daerah Baling
Majlis Daerah Yan (MDY)	Pentadbir Tanah Daerah Sik
Majlis Daerah Padang Terap (MDPT)	Pentadbir Tanah Daerah Padang Terap
Pihak Berkuasa Kulim Hi-Tech	Pentadbir Tanah Daerah Langkawi
	Pentadbir Tanah Daerah Yan
	Pentadbir Tanah Daerah Bandar Baharu
	Pentadbir Tanah Daerah Pendang
	Pentadbir Tanah Daerah Pokok Sena
	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (Bahagian Perumahan)